



LAW HONG SOON (kiri) bertukar dokumen bersama Abdul Hamid Mohd. Ali sambil disaksikan Amar Singh Ishar Singh (tengah) pada Majlis Serah Terima Tugas di Mes Pegawai Kanan IPPKL, Kuala Lumpur, semalam.

Abdul Hamid dilantik Timbalan Ketua Polis KL

KUALA LUMPUR 15 Mac - Bekas Komander Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU), Datuk Abdul Hamid Mohd. Ali hari ini mengambil alih tugas Datuk Low Hong Soon sebagai Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur.

Hong Soon pula dipindahkan ke Bukit Aman dengan jawatan Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jerayyah (Siasatan/Perundangan).

Menurut Abdul Hamid, tugas yang diberikan itu merupakan amanah yang besar bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan orang ramai, khususnya penduduk di Kuala Lumpur.

Belasnya, beliau turut berharap dapat membantu Ketua Polis Kuala Lumpur yang baharu, Datuk

Amar Singh Ishar Singh bagi terus mengekang dan membanteras kegiatan jenayah di ibu kota.

"Saya berharap dapat bersama-sama dengan Datuk Amar Singh dan seluruh pegawai serta anggota Polis Kuala Lumpur memastikan penduduk ibu kota berada dalam keadaan aman dan selamat.

"Penekanan akan diberikan kepada semua aspek di samping mencapai aspirasi kontinjen dan Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas Majlis Serah Terima Tugas di Mes Pegawai Kanan, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur (IPPKL), di sini hari ini.

Abdul Hamid berkelulusan Sar-

jana Pengajian Pertahanan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyertai perkhidmatan polis pada tahun 1997 sebagai Inspektor Percubaan dan pernah memegang beberapa jawatan seperti Pegawai Pemerintah FRU di Johor dan Kuala Lumpur.

Beliau juga pernah memegang jawatan Ketua Jabatan Ketenteraman Awam Kuala Lumpur sejak 2008 hingga 2011 dan berkhidmat bersama Amar Singh selama setahun yang ketika itu menjadi Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, Amar Singh berharap semua pihak dapat memberikan kerjasama dan sokongan bagi membantunya meneraju Polis Kuala Lumpur.